

Minggu Suai Mesra Program Sains Sekitaran 2012/2013

Artikel oleh: Carolyn Melissa Payus

Sesi bersama Program Sains Sekitaran telah diadakan di Bilik Tutorial 49, pada 4 September 2012 (Selasa), jam 2.30 petang. Program ini dimulakan dengan taklimat daripada Ketua Program iaitu Dr. Justin Sentian, memberi penerangan mengenai kursus-kursus Teras Universiti, kursus Sekolah dan kursus Program yang akan diambil oleh 75 pelajar baru (Tahun 1) Program Sains Sekitaran 2012/2013. Kemudian, sesi diikuti dengan pengenalan kepada pensyarah-pensyarah Program Sains Sekitaran, yang hadir bersama pada masa itu, iaitu Farrah Anis Fazliatul Adnan; Rohana Tair; Siti Aishah Mohd Ali; Ahmad Norazhar Mohd Yatim; Dr. Yun Leong Wan; Dr. Harry Chong; Dr. Mahyar Sakari; Kamsia Budindan Carolyn Melissa Payus. Sesi disusuli dengan taklimat makmal, peluang pekerjaan pelajar serta sesi soaljawab, sebelum diakhiri dengan lawatan ke makmal program serta bilik kuliah dan bilik tutorial yang terlibat.



Dr. Justin Sentian yang sedang menyampaikan taklimat kepada pelajar.



Antara pensyarah yang hadir; Dr. Harry Choong (dari kiri); Farrah Anis; Carolyn Melissa dan Siti Aishah.



Pelajar-pelajar baru Program Sains Sekitaran 2012/2013.